



MyTax

Gerbang Informasi Percukaian



Web Responsif & Aplikasi Mobile

Single Sign-On Untuk Semua Perkhidmatan

Dashboard Ringkas & Padat



Pusat Untuk Semua e-Perkhidmatan LHDNM

1. 25 FEBRUARI 2021 : TARIKH AKHIR BAGI PENGISIAN DAN PENGHANTARAN e-DATA PRAISI 2021

e-Data Praisi adalah platform majikan memuat naik maklumat pendapatan pekerja secara dalam talian menggunakan format C.P.8D. Bagi Tahun 2020, CP8D boleh diakses melalui pautan ini :

[https://ez.hasil.gov.my/Ci/Panduan/Layout%20Maklumat%20Prais%202020%20\(BM\)%20-%20format%20CP8D.pdf](https://ez.hasil.gov.my/Ci/Panduan/Layout%20Maklumat%20Prais%202020%20(BM)%20-%20format%20CP8D.pdf)
Untuk maklumat lanjut berhubung e-Data Praisi, sila layari <https://mytax.hasil.gov.my/> dan klik e-Data Praisi.



2. BORANG EA / BORANG EC TAHUN 2020

Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Borang C.P.8A (Borang EA) / C.P.8C (Borang EC) perlu disediakan oleh majikan dan diserahkan kepada pekerja pada atau sebelum 28 Februari setiap tahun bagi membolehkan mereka melengkapkan dan mengembalikan Borang Nyata masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Tarikh akhir penyediaan dan penyerahan kepada pekerja adalah pada atau sebelum 28 Februari 2021.

3. MUSIM e-FILING 2021 BAKAL BERMULA!

Setiap tahun, tarikh 1 Mac sering dinantikan oleh pembayar cukai untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada negara.

Sila pastikan anda telah menyemak langkah berikut sebelum menggunakan e-Filing :

A. Belum Mendaftar Sebagai Pengguna e-Filing

Sila dapatkan nombor PIN e-Filing melalui Borang Maklum Balas Pelanggan LHDNM di pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>

B. Telah Mendaftar, Tetapi Terlupa Kata Laluan / Disekat

i. Jika e-mel telah berdaftar dengan LHDNM, layari <https://mytax.hasil.gov.my/> pilih e-Filing dan klik Terlupa Kata Laluan; atau

ii. Jika nombor telefon bimbit telah berdaftar dengan LHDNM, sila hantar "HASILEF<jarak>IND<jarak><No Pengenalan>" ke 38888 untuk mendapatkan Kod Pengaktifan Sementara melalui SMS.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mytax.hasil.gov.my/> pilih Perkhidmatan ezHasil dan klik e-Filing.

4. BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT) BAGI TAHUN TAKSIRAN 2021

Borang ini telah dimuat naik dalam Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my Pelupusan dan pemerolehan aset yang tertakluk kepada ACKHT 1976 sebelum Tahun Taksiran 2021 masih menggunakan Borang Nyata CKHT Tahun Taksiran 2020 dan sebelum.

No. Pengenalan : 123456789000	No. Cukai Pendapatan : 5222222222330	Jenis Lejar : CUKAI PENDAPATAN	Caw. Taksiran : Raub	Caw. Pungutan : Raub	Nama Bank : CMB BANK BERHAD	No. Akaun : 1234567890		
LEJAR CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN KALENDER 2020								
TARIKH KEMASKINI	TARIKH TRANSAKSI	KETERANGAN TRANSAKSI	RUJUKAN/ NO. RESIT	TAHUN TAKSIRAN	BULAN/ BEL ANSURAN	TAKSIRAN & LAIN-LAIN (RM)	BAVARAN & LAIN-LAIN (RM)	BAKIP (RM)
01/01/2020	01/01/2020	Baki Permulaan		2019	12	0.00	0.00	-3,901.75
18/01/2020	13/01/2020	Potongan Cukai Bulanan	22-12345678900	2019	12	0.00	-161.80	-4,063.55

5. e-LEJAR

Ingin menyemak butiran peribadi, transaksi lejar dan kedudukan terkini cukai?

Sila layari MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> dan pilih e-Lejar.

6. JOM "LIKE AND SUBSCRIBE" SALURAN MEDIA SOSIAL RASMI LHDNM :

- Facebook : <https://www.facebook.com/LHDNM/>
- Instagram : <https://www.instagram.com/lhdnm/>
- Twitter : <https://twitter.com/lhdnmofficial?lang=en>
- Youtube : <https://youtube.com/user/LhdnTube>

Terima kasih kerana anda adalah penyumbang kepada kesejahteraan negara